

**INFO RINGKAS & TARikh-TARIKH PENTING DARI SEKSYEN TAJAAN, UNIT KEWANGAN PELAJAR  
PEJABAT BENDAHARI UNIMEL**

**A) BORANG JAMINAN KEWANGAN (BJK)**

1. Semua pelajar **DIWAJIBKAN** melengkapkan dan menghantar Borang Jaminan Kewangan (BJK) di Kaunter 1 atau 2, Pejabat Bendahari, dalam tempoh 2 minggu, bermula pada hari kedua selepas pendaftaran masuk ke UNIMEL, iaitu dari 26 Nov 2024 hingga 09 Disember 2024.
2. Bagi pelajar yang melapor diri selepas 25 Nov 2024, Borang Jaminan Kewangan (BJK) hendaklah dihantar pada hari pendaftaran di UNIMEL.

**B) PTPTN : WANG PENDAHULUAN PINJAMAN (WPP)**

1. WPP berjumlah RM1,500 diberikan kepada pelajar yang layak (pelajar B40 yang mengikuti program diploma sepenuh masa di UNIMEL).
2. Pemotongan sebanyak RM500.00 (selama 3 semester) daripada jumlah pinjaman PTPTN akan dibuat secara automatik apabila pinjaman diluluskan.
3. Tarikh permohonan WPP adalah seperti berikut :

SESI PENGAJIAN	KEMASUKAN	JADUAL PERMOHONAN WPP		JANGKAAN TARikh KELULUSAN
SESI II	DISEMBER / JANUARI	KELOMPOK 1	1 DISEMBER 2024 - 15 DISEMBER 2024	09 JANUARI 2025

**C) PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

1. Permohonan pinjaman PTPTN perlu dibuat oleh pelajar sendiri melalui aplikasi **myPTPTN** mengikut tarikh yang ditetapkan di bawah :

SESI PENGAJIAN	KEMASUKAN	JADUAL PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN		TARikh MULA PENGAJIAN*
SESI II	DISEMBER / JANUARI	KELOMPOK 1	1 DISEMBER 2024 - 31 DISEMBER 2024	01/01/2025 (1 JANUARI)
		KELOMPOK 2	1 JANUARI 2025 - 31 JANUARI 2025	

**PERHATIAN :**

- i. Pelajar diwajibkan untuk memuat turun aplikasi **myPTPTN** dan menyelesaikan proses pengesahan pendaftaran & eKYC sebelum tarikh permohonan dibuka. Pelajar juga digalakkan membuat permohonan pada **kelompok 1**.
- ii. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat, **pembatalan** boleh dilakukan dan pelajar masih berpeluang memohon semula pada kelompok 2.
- iii. Walau bagaimanapun, jika pembatalan perlu dilakukan pada kelompok 2, pelajar dikehendaki **membayar sendiri** yuran bagi Semester 1 dan hanya boleh **memohon semula** PTPTN pada semester 2 akan datang.

**\* Pelajar perlu membuat pendaftaran di myPTPTN terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa permohonan (WPP atau Pinjaman) Sila tekan pautan myPTPTN : <https://myptptn.ptptn.gov.my/>**

**D) PINJAMAN WANG PENGAJIAN TINGGI (PWPT) TAPEM**

1. Pelajar boleh mula memohon selepas mendapat surat tawaran pengajian di UNIMEL.
2. Tarikh tutup permohonan adalah setiap **30 JUN & 31 DISEMBER** setiap tahun.
3. Permohonan boleh dibuat di laman web TAPEM (klik pautan : <https://tapemonline.melaka.gov.my/>)

**E) BANTUAN ONE-OFF TAPEM (KHAS BAGI ANAK KELAHIRAN NEGERI MELAKA)**

Bantuan ini disediakan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) khusus kepada anak-anak kelahiran Melaka yang belajar di UNIMEL dengan kadar sebanyak RM1,000 (muslim) dan RM300/RM400 (bukan muslim).

TARikh	AKTIVITI
03/02/2025	Pelajar menghantar borang permohonan ke Kaunter 1 & 2, Bahagian Tajaan, Pejabat Bendahari UNIMEL ( <b>Setelah 2 bulan berada di UNIMEL</b> )
30/04/2025	Tarikh akhir pihak Universiti menerima borang permohonan daripada pelajar untuk semakan dan dihantar kepada TAPEM.

\* Tertakluk kepada pindaaan/ perubahan dari semasa ke semasa.

\* Pihak Universiti akan membuat potongan jika ada yuran tertunggak sebelum memproses pulangan (jika terdapat lebihan) kepada penerima bantuan.

**F) PENGELOUARAN PENDIDIKAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

1. Permohonan Surat Pengesahan Pendaftaran (Pengeluaran Pendidikan) boleh mula dibuat setelah pelajar **selesai** membuat pendaftaran subjek.
2. Pelajar dinasihatkan untuk tidak membuat permohonan pada minggu terakhir perkuliahan (minggu ke 14) sebelum menduduki Peperiksaan Akhir Semester bagi mengelakkan berlaku kelewatan dalam memproses permohonan yang boleh menyukarkan pelajar mendapatkan pelepasan untuk mengambil slip peperiksaan/ 'Hall Ticket" sekiranya masih mempunyai tunggakan yuran.

**G) PENAJA SELAIN PTPTN & TAPEM**

1. Diuruskan sepenuhnya oleh pelajar. Pihak Universiti akan mengeluarkan Surat Pengesahan Penajaan jika diperlukan.
2. Selepas menerima tajaan, pelajar **WAJIB** memaklumkan kepada Bahagian Tajaan dengan mengemukakan salinan surat tawaran penajaan serta perjanjian penajaan untuk tujuan rekod dan proses tuntutan bayaran.

**INFO RINGKAS & TARikh-TARIKH PENTING (KHUSUS BAGI PROGRAM HAJI DAN UMRAH) DARI SEKSYEN TAJAAN,  
UNIT KEWANGAN PELAJAR PEJABAT BENDAHARI UNIMEL**

**A) BORANG JAMINAN KEWANGAN (BJK)**

1. Semua pelajar DIWAJIBKAN melengkapkan dan menghantar Borang Jaminan Kewangan (BJK) di Kaunter 1 atau 2, Pejabat Bendahari, dalam tempoh 2 minggu, bermula pada hari kedua selepas pendaftaran masuk ke UNIMEL, iaitu dari 26 Nov 2024 hingga 09 Disember 2024
2. Bagi pelajar yang melapor diri selepas 25 Nov 2024, Borang Jaminan Kewangan (BJK) hendaklah dihantar pada hari pendaftaran di UNIMEL..

**B) PTPTN : WANG PENDAHULUAN PINJAMAN (WPP)**

1. WPP berjumlah RM1,500 diberikan kepada pelajar yang layak (pelajar B40 yang mengikuti program diploma sepenuh masa di UNIMEL).
2. Pemotongan sebanyak RM500.00 (selama 3 semester) daripada jumlah pinjaman PTPTN akan dibuat secara automatik apabila pinjaman diluluskan. Tarikh permohonan WPP adalah seperti berikut :

SESI PENGAJIAN	KEMASUKAN	JADUAL PERMOHONAN WPP		JANGKAAN TARikh KELULUSAN
SESI I	DISEMBER / JANUARI	KELOMPOK 1	1 DISEMBER 2024 - 15 DISEMBER 2024	09 JANUARI 2025
SESI II	APRIL / MEI	KELOMPOK 1	1 APRIL 2025 - 15 APRIL 2025	09 MEI 2025
SESI III	OGOS / SEPTEMBER	KELOMPOK 1	1 OGOS 2025 - 15 OGOS 2025	09 SEPTEMBER 2025

**C) PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

1. Permohonan pinjaman PTPTN perlu dibuat oleh pelajar sendiri melalui aplikasi **myPTPTN** mengikut tarikh yang ditetapkan di bawah :

SESI PENGAJIAN	JADUAL PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN		TARikh MULA PENGAJIAN*
SESI I 2025	KELOMPOK 1	1 DISEMBER 2024 - 31 DISEMBER 2024	01/01/2025 (1 JANUARI 2024)
	KELOMPOK 2	1 JANUARI 2025 - 31 JANUARI 2025	
SESI II 2025	KELOMPOK 1	1 APRIL 2025 - 30 APRIL 2025	01/05/2025 (1 MEI 2024)
	KELOMPOK 2	1 MEI 2025 - 31 MEI 2025	
SESI III 2025	KELOMPOK 1	1 OGOS 2025 - 31 OGOS 2025	01/09/2025 (1 SEPTEMBER 2024)
	KELOMPOK 2	1 SEPTEMBER 2025 - 30 SEPTEMBER 2025	

- PERHATIAN :**
- i. Pelajar diwajibkan untuk memuat turun aplikasi **myPTPTN** dan menyelesaikan proses pengesahan pendaftaran & eKYC sebelum tarikh permohonan dibuka. Pelajar juga digalakkan membuat permohonan pada **kelompok 1**.
  - ii. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat, **pembatalan** boleh dilakukan dan pelajar masih berpeluang memohon semula pada kelompok 2.
  - iii. Walau bagaimanapun, jika pembatalan perlu dilakukan pada kelompok 2, pelajar dikehendaki **membayar sendiri** yuran bagi Semester 1 dan hanya boleh **memohon semula** PTPTN pada semester 2 akan datang.

\* Pelajar perlu membuat pendaftaran di **myPTPTN** terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa permohonan (WPP atau Pinjaman) Sila tekan pautan **myPTPTN** : <https://myptptn.ptptn.gov.my/>

**D) PINJAMAN WANG PENGAJIAN TINGGI (PWPT) TAPEM**

1. Pelajar boleh mula memohon selepas mendapat surat tawaran pengajian di UNIMEL.
2. Tarikh tutup permohonan adalah setiap **30 JUN & 31 DISEMBER** setiap tahun.
3. Permohonan boleh dibuat di laman web TAPEM (klik pautan : <https://tapemonline.melaka.gov.my/>)

**E) BANTUAN ONE-OFF TAPEM (KHAS BAGI ANAK KELAHIRAN NEGERI MELAKA)**

Bantuan ini disediakan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) khusus kepada anak-anak kelahiran Melaka yang belajar di UNIMEL dengan kadar sebanyak RM1,000 (muslim) dan RM400/RM600 (bukan muslim).

TARikh	AKTIVITI
03/02/2025	Pelajar menghantar borang permohonan ke Kaunter 1 & 2, Bahagian Tajaan, Pejabat Bendahari UNIMEL ( <b>Setelah 2 bulan berada di UNIMEL</b> )
30/04/2025	Tarikh akhir pihak Universiti menerima borang permohonan daripada pelajar untuk semakan dan dihantar kepada TAPEM.

**F) PENGELOUARAN PENDIDIKAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

1. Permohonan Surat Pengesahan Pendaftaran (Pengeluaran Pendidikan) boleh mula dibuat setelah pelajar **selesai** membuat pendaftaran subjek.
2. Pelajar dinasihatkan untuk tidak membuat permohonan pada minggu terakhir perkuliahan (minggu ke 14) sebelum menduduki Peperiksaan Akhir Semester bagi mengelakkan berlaku kelewatan dalam memproses permohonan yang boleh menyukarkan pelajar mendapatkan pelepasan untuk mengambil slip peperiksaan/ 'Hall Ticket' sekiranya masih mempunyai tunggakan yuran.

**G) PENAJA SELAIN PTPTN & TAPEM / LAIN-LAIN BANTUAN PENDIDIKAN**

1. Diuruskan sepenuhnya oleh pelajar. Pihak Universiti akan mengeluarkan Surat Pengesahan Penajaan jika diperlukan.
2. Selepas menerima tajaan, pelajar **WAJIB** memaklumkan kepada Bahagian Tajaan dengan mengemukakan salinan surat tawaran penajaan serta perjanjian penajaan untuk tujuan rekod dan proses tuntutan bayaran.

Maklumat lanjut berkaitan tajaan boleh didapati dalam Buku Panduan Kemasukan Pelajar Baharu di laman web kemasukan.

Unit Kewangan Pelajar (Seksyen Tajaan), Pejabat Bendahari UNIMEL, Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka.

No. Tel. Pejabat : 06-387 8443 / 8449 No. faks : 06-387 8440